

سَمِينَةُ عِبَادَةِ كَرْبَانَ

Seminar Ibadat Korban

TAJUK KERTAS KERJA

PERANAN WAKALAH DALAM IBADAT KORBAN

oleh

Yang Mulia Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin

Ketua Pegawai Istinbat

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam

إمارة دولة برونا دارالسلام
جباة ائمة في كراجان
جباة ائمة في كراجان

17 ذوالقعدة 1426 / 19 ديسيمبر 2005

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين، وبعد.

PERANAN *WAKĀLAH* DALAM IBADAT KORBAN*

1. Pendahuluan

Korban merupakan ibadat yang sunat dilakukan oleh orang Islam yang berkemampuan melakukannya dan makruh bagi mereka jika tidak melakukannya.¹ Melakukan ibadat tersebut lebih afdhal daripada bersedekah sunat (*thathawwu*). Antara hadis yang menjelaskan tentang hukum sunat melakukan ibadat korban itu ialah hadis yang diriwayatkan daripada Ibn Abbas *Radhiallahu 'anh*, katanya:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "ثَلَاثٌ هُنَّ عَلَى فَرَاتِضٍ، وَهُنَّ لَكُمْ تَطَوُّعٌ، النَّحْرُ، وَالْوِثْرُ، وَرَكَعَتَا الْفَجْرِ

(رواه الدارقطني)

Maksudnya: "Aku mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Tiga perkara yang wajib ke atasku dan sunat ke atas kamu, korban, witr dan sembahyang fajar dua rakaat"

(Hadis riwayat ad-Daruquthni)

Mengurus pengendalian korban itu sunat dilakukan sendiri oleh orang yang berkorban itu.² Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam juga melakukan sendiri penyembelihan korbannya sepertimana hadis daripada Anas *Radhiallahu 'anh* katanya:

* Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Ibadat Korban anjuran Jabatan Mufti Kerajaan, JPM Brunei, pada 19hb Disember 2005 di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Brunei.

¹ Ad-Dimyathi, *Hasyiah I'amah ath-Thalibin*: 2/552

² Al-Khatib asy-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*: 6/124

ضَحَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِكَبْشَيْنِ أَمْلَحَيْنِ، فَرَيْتُهُمَا مَعَهُ فَمَدَّ يَدَيْهِمَا فَمَدَّ حَيْدُ يُسْمَى
وَيَكْبَرُ، فَذَبَحَهُمَا بِيَدِهِ

(رواه البخاري)

Maksudnya: *“Lalu shallallahu ‘alaihi wasallam berkorban dua ekor kibasy yang bagus sekali badannya. Aku melihat Baginda meletakkan telapak kakinya pada kedua kaki binatang tersebut. Baginda membaca bismillah dan bertakbir, lalu Baginda menyembelih keduanya dengan tangan Baginda.”*

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Walau bagaimanapun, orang-orang yang tidak mampu melakukannya sendiri diharuskan mewakilkan orang lain untuk mengendalikan korbannya terutama dalam urusan penyembelihan. Bahkan disunatkan mewakilkan penyembelihan korban itu bagi perempuan dan orang-orang yang tidak pandai menyembelih.³ Keharusan berwakil mengurus korban itu adalah berdasarkan kepada perbuatan Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam yang pernah berkorban sebanyak 100 ekor unta. Baginda sendiri menyembelih sebanyak 63 ekor dan selebihnya Baginda mewakilkan kepada Sayyidina Ali Karamallahu wajhah untuk meneruskan penyembelihan tersebut.⁴

Maka kertas kerja ini akan memfokuskan perbicaraannya tentang peranan *wakâlah* (perwakilan) dalam ibadat korban di samping penghuraian beberapa isu yang berkaitan dengannya.

2. Pengertian *Wakâlah* (Perwakilan)

Wakâlah ialah perkataan Arab yang memberi makna penyerahan, pengawasan, penjagaan dan pemeliharaan. Menurut istilah ulama fiqh *wakâlah* bererti penyerahan seseorang kepada orang lain untuk melaksanakan sesuatu sebagai ganti dirinya ketika dia masih hidup dan perkara tersebut ialah sesuatu yang boleh diwakilkan menurut hukum syara’.⁵

³ Al-Jardâni, *Fath al-'Allâm*, 4/474.

⁴ Qalyubi wa Umairah, *Hasyiatâ*: 4/380

⁵ Ar-Ramli, *Nihâyah al-Muhtâj*: 5/15

Ensiklopedia Hukum Islam, mendefinisikan *wakâlah* sebagai perwakilan yang bertindak untuk dan atas nama orang yang diwakilinya dan merupakan salah satu bentuk transaksi dalam rangka tolong-menolong antarpribadi dalam rangka perdata dan pidana.⁶

Wakâlah itu berasaskan kepada konsep tolong-menolong. Ia diharuskan berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an yang mengalakkan umat manusia hidup tolong-menolong seperti firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

فَاتَّبِعُوا حُكْمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحُكْمًا مِّنْ أَهْلِهَا

(سورة النساء: ٣٥)

Tafsirnya: “Maka lantiklah orang tengah (untuk mendamaikan mereka iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan”
(Surah an-Nisaa':35)

Dalam hadis yang diriwayatkan daripada az-Zuhrie menyebutkan:

أَنَّ النَّجَاشِيَّ زَوْجَ أُمِّ حَبِيبَةَ بِنْتِ أَبِي سُفْيَانَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

(رواه أبو داود)

Maksudnya: “Sesungguhnya an-Najasyi mengahwinkah Ummi Habibah binti Abi Sufyan dengan Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam”
(Hadis riwayat Abu Daud)

3. Hukum Menerima *Wakâlah*

Hukum asal menerima *wakâlah* itu ialah sunat kerana menunaikan maslahat orang lain sebagaimana dalil-dalil di atas. Menerima *wakâlah* itu menjadi wajib apabila *wakâlah* menjadi sebab terhindarnya suatu bahaya. Misalnya *wakâlah* orang yang sangat lapar untuk membeli makanan dan dia tidak mampu membelinya. Maka dalam hal ini dia wajib menerima *wakâlah* untuk membeli makanan berkenaan. Penerimaan *Wakâlah* akan menjadi

⁶ Ensiklopedia Hukum Islam, 6/1911.

makruh jika ia membantu berlakunya perkara-perkara yang dimakruhkan oleh hukum syara'. Begitu juga penerimaannya menjadi haram jika dengan penerimaan itu membantu berlakunya perkara-perkara yang haram.⁷

4. Rukun-Rukun *Wakâlah*

Rukun-rukun *wakâlah* ada empat perkara:

- i. *Muwakkil* (Orang yang berwakil)
- ii. *Muwakkal* (wakil)
- iii. *Muwakkal fih* (sesuatu yang diwakilkan)
- iv. *Shîghah* (lafaz *ijâbdan qabûl*)

4.1 Syarat *Muwakkil*

Muwakkil hendaklah orang yang mempunyai hak untuk bertindak terhadap sesuatu yang diwakilkan sama ada atas asas pemilikan atau penguasaan (wilayah). Oleh itu tidak sah *wakâlah* orang yang belum mukallaf seperti kanak-kanak, orang gila, pitam, mabuk, fasiq, tidur dan orang yang hartanya dibekukan disebabkan bodoh kerana mereka tidak mempunyai kelayakan mengurus sendiri.⁸

4.2 Syarat Wakil

Wakil hendaklah orang yang berakal dan *mumaiyyiz* serta boleh mengendalikan dan mengurus urusan yang diwakilkan. Dari itu, tidak sah wakil yang terdiri daripada kanak-kanak, orang gila dan pitam. Begitu juga tidak sah mewakilkan orang yang bodoh dan orang buta jika ianya memerlukan kepada melihat terhadap sesuatu yang diwakilkan itu. Adapun mewakilkan kepada kanak-kanak yang *mumaiyyiz* dalam melakukan haji *tathawwu'*, penyembelihan binatang korban dan pemungutan zakat adalah diharuskan dan sah.⁹

⁷ Ar-Ramli, *Nihayah al-Muhtaj*: 5/15

⁸ Al-Khatib asy-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*: 3/232

⁹ *Ibid*: 3/232-233 dan az-Zuhaili, Dr. Wahbah. *al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*: 5/4063

Dalam ibadat korban, orang yang lebih utama untuk dijadikan wakil ialah orang Islam yang tahu mengenai cara serta syarat-syarat penyembelihan korban menurut hukum syara'. Adapun mewakilkannya kepada seorang yang beragama Majusi dan penyembah berhala adalah tidak sah. Manakala menyerahkannya kepada orang Kitabi, kanak-kanak dan orang buta adalah makruh.¹⁰

4.3 Syarat Perkara Yang Diwakilkan

- i. Perkara yang diwakilkan itu mestilah milik sah kepada orang yang berwakil ketika berlakunya *wakâlah*. Mewakilkan sesuatu yang akan menjadi miliknya adalah tidak sah kerana pada ketika itu dia tidak ada kuasa atau hak terhadap barang tersebut. Contohnya seorang lelaki mewakilkan orang lain untuk menceraikan perempuan yang akan dinikahinya.
- ii. Perkara yang diwakilkan itu dibenarkan oleh hukum syara' untuk diwakilkan kepada orang lain.

Menurut hukum syara' mewakilkan orang lain untuk menunaikan ibadat adalah tidak sah. Namun berwakil melaksanakan ibadat korban adalah diharuskan sebagaimana juga ibadat haji, umrah, mengagihkan zakat atau sedekah, dan menyembelih aqiqah.

- iii. Perkara yang diwakilkan itu diketahui atau difahami oleh wakil walaupun tidak secara terperinci. Tidak sah berwakil secara yang tidak difahami wakil kerana ada kekeliruan seperti kata *muwakkil*: "Awak adalah wakil saya dan laksanakanlah sebagaimana awak suka".¹¹

4.4 Syarat *Shighah*

Shighah dalam *wakâlah* itu terdiri daripada *ijâb*(ucapan penyerahan) dan *qabûl* (ucapan penerimaan).

¹⁰ An-Nawawi, *Kitâb al-Majmû'*: 8/380

¹¹ Al-Khatib asy-Syarbini, *Op cit.*: 3/235-240, an-Nawawi, *Raudhah at-Thâlibîn*: 4/19-29 dan al-Khin, al-Bugha & asy-Syarbaji, *al-Fiqh al-Manhaji*. 3/318.

- i. *Ījâb* hendaklah diucapkan dengan berlafaz sebagai menunjukkan keredhaan *muwakkil* kerana pada asasnya seseorang itu tidak dibenarkan berbuat sesuatu terhadap milik orang lain melainkan ada izin dan redha pemiliknya.
- ii. *Ījâb* boleh dilafazkan secara *sharîh* (jelas) ataupun dengan *kinâyah* (kiasan). Lafaz *Ījâb* itu diperlukan sebagai menandakan keredhaan orang yang berwakil.¹²

Contoh lafaz *sharîh*:

“Saya mewakilkan kepada tuan membeli dan menguruskan pengendalian korban sunat saya.”

Contoh lafaz *kinâyah*:

“Engkau gantikan tempatku membeli dan menguruskan pengendalian korban sunatku.”

- iii. Selain dari berlafaz, *Ījâb* juga boleh dilakukan dengan cara bertulis atau persuratan. Jika orang yang berwakil itu orang bisu *Ījâb* boleh dilakukan secara berisyarat isyarat yang boleh difahami.¹³
- iv. *Ījâb* menjadi rosak (fasid) jika ia digantungkan kepada syarat atau masa.

Contohnya *muwakkil* berkata:

“Saya wakilkkan tuan membeli dan menguruskan pengendalian korban sunat saya jika si Fulan datang atau apabila masuk bulan baru.”

Sekalipun akad seperti ini rosak, namun jika wakil menjalankan tugas yang diwakilkan dengan akad ini hukumnya adalah sah kerana adanya keizinan *muwakkil* sekalipun akadnya rosak berbeza jika keizinan itu sendiri telah rosak seperti kata *muwakkil*:

¹² Ar-Ramlî, *Nihayah al-Muhtâj*: 5/27- 31 dan an-Nawawi, *Opcit*: 14/174

¹³ *Ibid*.

“Saya berwakil kepada sesiapa sahaja yang mahu menjual rumahku”.

Maka *Wakâlah* itu tidak boleh dilaksanakan sebagaimana yang dikatakan az-Zarkasyi.¹⁴

- v. *Qabûl* tidak disyaratkan dengan berlafaz. Memadai *qabûl* itu dengan perbuatan yang menunjukkan keredhaan hatinya dengan syarat tidak ada ucapan (lafaz) bantahan atau penolakan dari pihak yang diwakilkan.¹⁵

Apabila berlaku *ijâb* dan *qabûl* wujudlah interaksi antara keduanya yang dinamakan akad. Akad tersebut sah walaupun salah seorang daripada keduanya berada di tempat yang lain. Ini samalah seperti *muwakkil* melucutkan atau orang yang diwakilkan menolak daripada menjadi wakil semasa ketiadaan (ghaib) salah seorang daripadanya. Maka peranannya sebagai wakil terlucut pada ketika itu juga tanpa perlu mendapatkan keredhaan dan pengetahuan daripada *muwakkil*. Perkara ini diqiaskan kepada *wakâlah* seseorang yang tidak ada (ghaib).¹⁶

Maka sebagai bandingan dengan kemajuan teknologi yang dinikmati sekarang dalam perkara di atas, *wakâlah* itu juga boleh dilakukan melalui talifon, pesanan ringkas (sms), e-mail dan seumpamanya. Walaubagaimanapun *wakâlah* dengan cara begini memerlukan kepada penelitian wakil bagi memastikan niat sebenar *muwakkil*.

5. *Wakâlah* Secara Berupah

Wakâlah sah dilakukan dengan cara berupah sebagaimana Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* pernah mengutus wakil Baginda untuk mengutip zakat dan mereka diupah. Dengan demikian, anak-anak sepupunya berkata: “Kalau Baginda mengutus kami untuk mengutip zakat, kami sampaikan apa yang kami perolehi daripada orang yang membayar, dan kami dapat bahagian tertentu.” Upah tersebut hendaklah diketahui oleh

¹⁴ Al-Khatib asy-Syarbini, *Opcit*: 3/241

¹⁵ Ad-Dimyathi, *Opcit*: 3/150

¹⁶ Al-Khatib asy-Syarbini, *Opcit*: 3/257

wakil dan wakil berhak menerimanya setelah selesai melakukan tugas yang diwakilkan.

Menurut Dr. Wahbah az-Zuhaili, keharusan memberi upah dalam *wakâlah* itu juga disebabkan *wakâlah* adalah satu akad yang diharuskan dan wakil tidak wajib melaksanakannya. Jika dilaksanakan, dia boleh mengambil upah terhadap pekerjaannya.¹⁸

Wakâlah dengan upah disyaratkan adanya *qabûl* (ucap terima) kerana *wakâlah* dalam perkara ini adalah satu pengharusan. Selain itu, disyaratkan juga supaya pekerjaan yang dilakukannya hendaklah betul dan tepat.¹⁹

6. *Wakâlah Mutlaqah Dan Muqayyadah*

Wakâlah yang dilakukan dalam jual beli akan menjadi *wakâlah mutlaqah* jika ia dilafazkan tanpa menyebutkan jenis atau harga di dalam akad. Apabila dalam akad *wakâlah* itu disebutkan jenis, sifat atau harganya, maka ia menjadi *wakâlah muqayyadah*.²⁰

Contoh *wakâlah mutlaqah*:

“Saya berwakil kepada tuan untuk membeli lembu”

Dalam contoh ini lembu disebut secara umum tanpa menentukan besar atau warnanya atau lain-lain sifatnya. Sekalipun *wakâlah* seperti ini umum namun wakil hendaklah berusaha seboleh mungkin memenuhi maksud *wakâlah* tersebut kecuali jika terdapat dalil menghadkannya seperti *urf*. Dalam melaksanakan *wakâlah mutlaqah* ini wakil hendaklah:

- i. Membeli barang belian yang selamat daripada kecacatan atau aib.

Apabila wakil membeli sesuatu, misalnya seekor kambing yang cacat, hukum kewajipan *muwakkil* dalam menerima belian itu tertakluk

¹⁷ Al-Khin, al-Bugha & asy-Syarbaji, *Opcit* 3/334

¹⁸ Az-Zuhaili Dr. Wahbah, *Opcit* 5/4058

¹⁹ An-Nawawi, *Opcit* 14/174

²⁰ Al-Anshari, Zakaria asy-Syeikh, *Hasyiah asy-Syeikh Sulaimân al-Jamal*, 3/408-414 dan Al-Khin, al-Bugha & asy-Syarbaji, *Opcit* 3/325-330.

kepada pengetahuan wakil tentang kewujudan kecacatan barang belian tersebut.

Jika wakil mengetahui tentang kecacatan itu, *muwakkil* tidak diwajibkan menerima belian tersebut walaupun ianya tidak melanggar had harga yang ditetapkan semasa akad kerana wakil tidak diizinkan untuk membeli sesuatu yang aib.

Manakala jika wakil tidak mengetahuinya, *muwakkil* wajib menerima belian tersebut sama ada harga barang belian yang aib itu sama dengan had harga yang ditetapkan dalam akad ataupun tidak. Ini kerana tidak ada kemudharatan bagi *muwakkil* dan ia mempunyai pilihan sama ada menahan barang belian tersebut atau mengembalikannya kepada penjual.

- ii. Membeli dengan harga pasaran atau lebih mengikut keuntungan yang biasa dilakukan orang ramai.

Apabila wakil membeli dengan harga yang lebih, di mana orang ramai tidak mengambil untung pada kebiasaannya, *muwakkil* tidak diwajibkan menerima belian tersebut dan belian itu berlaku ke atas wakil.

Dari itu kewajipan wakil pembeli adalah membeli barang yang selamat daripada kecacatan/aib dan membeli dengan harga pasaran berdasarkan '*urf*' di sisi jumbuh ulama kecuali Abu Hanifah. Baginya wakil mesti membeli sesuatu yang tertentu kepada *muwakkil* bukan untuk diri dan sanak-saudaranya. Bagi ulama Maliki wakil mestilah melakukan apa yang memberi maslahat kepada *muwakkil*. Jika wakil melanggar syarat-syarat *muwakkil* ia adalah pembeli untuk dirinya menurut ulama Hanafi.

Adapun dalam melaksanakan *wakâlah muqayyadah* wakil hendaklah mematuhi sifat atau kadar yang ditentukannya. Jika wakil melanggar had seperti yang dinyatakan dalam akad, *muwakkil* tidak diwajibkan menerima barang belian itu kecuali jika pelanggaran itu membawa kebaikan dan maslahat kepada *muwakkil*.

Contoh *wakâlah muqayyadah* yang ditentukan jenisnya:

“ Tolong belikan saya seekor lembu warna putih yang berumur dua tahun”

Jika wakil membuat pelanggaran dari had yang ditentukan dengan membeli lembu dari jenis dan umur yang lain, *muwakkil* tidak diwajibkan menerima barang tersebut kerana wakil melanggar had yang ditentukan.

Contoh *wakālah muqayyadah* yang ditentukan harganya:

“ Tolong belikan saya seekor unta yang berharga seribu ringgit”

Jika wakil membeli unta yang berharga yang lebih, misalnya \$1,200, *muwakkil* tidak wajib menerima belian itu. Tetapi seandainya wakil membelinya dengan harga kurang daripada yang dihadkan misalnya \$800 dari jenis yang dimaksudkan sama, *muwakkil* wajib menerima belian tersebut kerana pelanggaran yang dilakukan wakil membawa kebaikan dan kemaslahatan kepada *muwakkil*.

Begitu juga jika diwakilkan untuk membeli seekor kambing dengan harga \$300 dengan jenis dan sifat yang ditentukan, lalu wakil membeli dua ekor dari jenis, sifat dan harga yang sama, sah belian untuk *muwakkil* kerana ia adalah pelanggaran yang membawa manfaat. Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* pernah membenarkan perkara sedemikian terjadi sebagaimana yang diceritakan dalam hadis daripada ‘Urwah :

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَاهُ دِينَارًا يَشْتَرِي لَهُ بِهِ شَاةً، فَاشْتَرَى لَهُ بِهِ شَاتَيْنِ، فَبَاعَ إِحْدَاهُمَا بِدِينَارٍ، وَجَاءَهُ بِدِينَارٍ وَشَاةٍ، فَدَعَا لَهُ بِالْبُرْكَاةِ فِي بَيْعِهِ.....
(رواه البخاري)

Maksudnya: Nabi *shallallahu ‘alaihi wasallam* memberi kepadanya ('Urwah) satu dinar untuk membeli seekor kambing untuk Baginda, Maka dia membeli untuk Baginda dengan wang itu dua ekor kambing, lalu dijualnya seekor daripadanya dengan (harga) satu dinar dan dia datang kepadanya Rasulullah dengan membawa satu dinar dan satu ekor kambing. Lalu Baginda menandakan berkat baginya dalam jualannya....”

(Hadis riwayat Bukhari)

7. Berwakil Kepada Pengurus

Perkara yang biasa dilakukan dalam melaksanakan ibadat korban itu ialah membeli binatang korban, menyembelihnya dan mengagihkan dagingnya. Ketiga-tiga perkara ini boleh diwakilkan sekiranya orang yang hendak berkorban itu tidak mampu melakukannya sendiri. Di negara kita, perkara tersebut diserahkan kepada seseorang yang dilantik sebagai pengurus sama ada kerana ibadat itu dilakukan secara beramai-ramai atau perkongsian dalam sebuah keluarga.

Menurut hukum syara' seekor unta, kerbau atau lembu boleh dikongsi oleh tujuh orang sekalipun sebab atau tujuan penyembelihannya berbeza-beza seperti sebahagiannya bertujuan khusus untuk melakukan korban, sebahagiannya lagi bertujuan menginginkan daging binatang itu sahaja, manakala sebahagian lagi bertujuan melakukan korban wajib seperti nazar.²¹

Dalam hadis yang diriwayatkan daripada Jabir *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

نَحَرْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْحُدَيْبِيَّةِ: الْبَدَنَةَ عَنْ سَبْعَةٍ وَالْبَقْرَةَ عَنْ سَبْعَةٍ

(رواه مسلم)

Maksudnya: “Kami berkorban bersama Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* semasa di Hudaibiyah dengan seekor unta atau seekor lembu untuk tujuh orang”

(Hadis riwayat Muslim)

Dalam hadis yang lain pula menyebutkan:

خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُهْلِينَ بِالْحَجِّ، فَأَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ نَشْتَرِكَ فِي الْإِبِلِ وَالْبَقَرِ، كُلُّ سَبْعَةٍ مَنَّا فِي بَدَنَةٍ

(رواه مسلم)

²¹ Al-Haitsami, Ibn Hajr, *Tuhfah al-Muhtāj* dalam kitab *Hawasyai Asy Syarwāni wa Ibn Qāsim 'ala Tuhfah al-Muhtāj bi Syarh al-Minhāj*: 4/254 dan an-Nawawī, *Op cit*: 2/466

Maksudnya: “Kami keluar bersama Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam dan kami berniat haji. Maka Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam telah memerintahkan kami supaya berkongsi mengorbankan seekor unta atau seekor lembu. Setiap tujuh orang daripada kami berkongsi seekor unta.”

(Hadis riwayat Muslim)

Adapun seekor kambing tidak boleh dikongsikan kerana ia hanya cukup untuk ibadat seorang sahaja.

Berwakil kepada pengurus untuk membeli binatang korban, menyembelih dan mengagihkan dagingnya adalah diharuskan dalam Islam. Namun untuk membolehkan wakil berkenaan mempunyai hak menguruskan pengendalian korban berkenaan hendaklah ada suatu akad yang memenuhi syarat-syarat yang telah disebutkan di atas kerana pengurusan korban itu mesti dilakukan berdasarkan keizinan *muwakkil*. Menurut asy-Syirâzi, keizinan itu boleh terjadi sama ada melalui *nuthq* (kata-kata) atau *‘urf* (kelaziman).²²

8. Wakil Melantik Wakil

Sekiranya wakil yang diamanahkan untuk mengendalikan korban tidak berupaya melakukan semua urusan yang diwakilkan seperti di atas, para ulama fiqh berpendapat bahawa wakil tersebut harus mewakilkan orang lain sebagai wakilnya tanpa perlu mendapat keizinan daripada *muwakkil*. Akan tetapi jika wakil berkenaan mampu melakukan sendiri perkara yang diwakilkan kepadanya, wakil tidak boleh mewakilkan orang lain untuk melaksanakan perkara yang diwakilkan itu melainkan setelah mendapatkan keizinan daripada *muwakkil* sebelum melantik orang lain menjadi wakil.²³

Sekiranya wakil berkenaan hanya mampu melakukan sebahagiannya sahaja disebabkan urusan itu terlalu banyak, maka wakil boleh mewakilkan urusan yang tidak dapat dilaksanakannya itu kepada orang lain. Tetapi wakil tidak boleh menyerahkan kesemua urusan *wakâlah* berkenaan.²⁴

²² Asy-Syirazi, *al-Muhadzab*: 3/351

²³ An-Nawawi, *Op cit*: 14/218 & 4/42 dan ad-Dimyathi, *Op cit*: 3/158.

²⁴ Asy-Syirâzi, *Op cit*: 3/353 dan Ar-Ramli, *Op cit*: 5/38-40.

Contoh lafaz wakil yang mewakilkan kepada wakil yang kedua:

“Saya wakil mewakilkan tuan untuk menguruskan penyembelihan korban sunatnya”

Lafaz orang yang menerima: “Saya terima”

9. Kedudukan Wakil Kedua

Jika wakil berwakil kepada orang lain untuk menggantikan dirinya dalam melaksanakan perkara yang diwakilkan, wakil yang kedua adalah wakil kepada dirinya. Dalam hal ini wakil ada kuasa memecat wakilnya. Manakala kuasa wakil yang kedua akan terlucut dengan terlucutnya wakil yang pertama. Jika dia berwakil kepada orang lain itu untuk melaksanakan tugas bagi pihak diri *muwakkil*, maka wakil kedua adalah wakil bagi *muwakkil* dan kuasanya akan terlucut jika *muwakkil* memecatnya.²⁵

10. Niat Korban Orang Yang Berwakil

Niat merupakan sesuatu yang mesti ada bagi setiap ibadat. Begitu juga dengan ibadat korban. Sekalipun berwakil mengendalikan korban itu diharuskan, namun orang yang berkorban sunat adalah disyaratkan agar berniat korban.

Niat berkorban itu dilakukan ketika menyembelih binatang korbannya. Maka bagi orang yang berwakil melaksanakan korban adalah memadai jika dia berniat ketika menyerahkan binatang korbannya untuk disembelih atau ketika wakilnya menyembelih korbannya. Dalam hal ini, niat orang yang berwakil itu sudah memadai dan wakil tidak perlu berniat lagi.²⁶

Selain itu, orang yang berkorban harus berniat lebih awal dari waktu wakil berkenaan menyembelih korbannya dengan syarat niat itu hendaklah juga

²⁵ *Ibid.*

²⁶ An-Nawawi, *Opcit.* 2/469

dalam tempoh yang dibenarkan menyembelih korban iaitu selepas sembahyang Hari Raya Adha berjemaah hingga terbenam matahari hari *Tasyriq* yang terakhir.²⁷

11. Berwakil mengendalikan korban di Luar Negeri

Menurut as-Sayyid al-Bakri ad-Dimyathi, pengarang *Hâsyiah I'ânah ath-Thâlibîn* memindahkan wang dari satu negeri ke satu negeri yang lain untuk tujuan membeli binatang korban adalah diharuskan.²⁸

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ada menyebutkan tentang keharusan berwakil korban di negeri lain sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada 'Aisyah *Radhiallahu 'anha*, katanya:

فَتَلْتُ فَلَانَدَ بُدْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِيَدِي. ثُمَّ أَشْعَرَهَا وَقَلَدَهَا ثُمَّ بَعَثَ بِهَا إِلَى الْبَيْتِ. وَأَقَامَ بِالْمَدِينَةِ. فَمَا حَرَّمَ عَلَيْهِ شَيْءٌ كَانَ لَهُ حَلًا

(رواه مسلم)

Maksudnya: "Aku pernah memintal kalung binatang ternakan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dengan kedua tanganku. Kemudian Baginda memakaikan kalungnya lalu mengirimkannya ke Baitullah. Lalu Baginda menetap di Madinah. Maka apa jua yang tidak diharamkan ke atas Baginda, memang telah dihalalkan"

(Hadis riwayat Muslim)

Asy-Syeikh Muhammad bin Sulaiman al-Kurdi juga pernah ditanya mengenai perkara ini dengan pertanyaan:

²⁷ Al-Khatib asy-Syarbini. *Opcit.* 6/133

²⁸ Ad-Dimyathi, *Opcit.* 2/558

جَرَتْ عَادَةُ أَهْلِ بَلَدِ جَاوِي عَلَى تَوْكِيلِ مَنْ يَشْتَرِي لَهُمُ النَّعْمَ فِي مَكَّةَ لِلْعَقِيقَةِ أَوْ الْأُضْحِيَّةِ
وَيَذْبُحُهُ فِي مَكَّةَ وَالْحَالُ أَنَّ مَنْ يَعَى أَوْ يُضْحِي عَنْهُ فِي بَلَدِ جَاوِي فَهَلْ يَصِحُّ ذَلِكَ أَمْ لَا؟
أُفْتُونَا.

الجَوَابُ نَعَمْ يَصِحُّ ذَلِكَ وَيَجُوزُ التَّوَكِيلُ فِي شِرَاءِ الْأُضْحِيَّةِ وَالْعَقِيقَةِ وَفِي ذَبْحِهَا وَلَوْ بِلَدٍ غَيْرِ
بَلَدِ الْمُضْحِي وَالْعَاقِ

Ertinya: “Sudah menjadi kebiasaan orang-orang Jawi (kepulauan Melayu) berwakil kepada seseorang untuk membeli na'am (seperti lembu dan kambing) di Makkah untuk dijadikan aqiqah dan korban, dan penyembelihannya dilakukan di Makkah, sedangkan orang yang hendak beraqiqah atau berkorban itu berada di negeri Jawi. Adakah sah perbuatan sedemikian atau tidak, mohon fatwakan kepada kami.

Jawapan: Ya! Sah yang demikian itu dan harus berwakil membeli binatang korban dan aqiqah dan begitu juga untuk menyembelihnya sekalipun di negeri yang bukan negeri orang yang berkorban dan beraqiqah itu”²⁹

Berdasarkan dari penjelasan di atas, adalah jelas bahawa berwakil untuk membeli binatang korban di negeri lain dan menyembelihnya serta mengagihkan daging tersebut kepada fakir miskin di negeri berkenaan adalah sah mengikut hukum syara’.

Walau bagaimanapun, daging korban yang diwakilkan itu tidak boleh dipindahkan ke negeri lain dari tempat binatang korban berkenaan disembelih. Misalnya binatang korban disembelih di Sabah, kemudian dagingnya dihantar ke negeri lain seperti Sarawak atau Indonesia untuk diagihkan kepada masyarakat Islam di sana. Maka menurut as-Sayyid al-Bakri ad-Dimyathi adalah haram berbuat demikian sama ada korban sunat atau korban wajib. Adapun maksud daging yang haram dipindahkan dari korban sunat itu ialah bahagian yang wajib disedekahkan kepada fakir miskin.

²⁹ *Ibid*

12. Kehadiran Menyaksikan Penyembelihan

Sekalipun ibadah korban itu boleh diwakilkan namun adalah sunat bagi orang yang berwakil itu hadir menyaksikan penyembelihan korbannya sebagaimana yang diperintahkan oleh Baginda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada sayyidatina Fatimah *'alaihassalam*. Peristiwa berkenaan diceritakan dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abi Sa'id al-Khudri *Radhiallau 'anhu, katanya*:

قال رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِفَاطِمَةَ عَلَيْهَا الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ: "قَوْمِي إِلَى أُضْحِيَّتِكَ فَاشْهَدِيهَا فَإِنَّ لَكَ بِأَوَّلِ قَطْرَةٍ تُقَطَّرُ مِنْ دَمِهَا يُغْفَرُ لَكَ مَا سَلَفَ مِنْ ذُنُوبِكَ" قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَذَا لَنَا أَهْلُ الْبَيْتِ خَاصَّةً، أَوْ لَنَا وَلِلْمُسْلِمِينَ عَامَّةً؟ قَالَ: "بَلْ لَنَا وَلِلْمُسْلِمِينَ عَامَّةً"

(رواه الحاكم)

Maksudnya: Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda kepada Fatimah *'alaihassalam*: "Bangunlah untuk berkorban dan saksikanlah (penyembelihan korban). Sesungguhnya bagimu pada titisan darah yang pertama yang menitis diampunkan bagimu dosa-dosamu yang telah lalu" Dia (Aisyah) berkata: Wahai Rasulullah, adakah ini khusus untuk kami sekeluarga atau untuk kami dan umat Islam secara umumnya? Baginda bersabda: "Bahkan untuk kami dan umat Islam secara umumnya"

(Hadis riwayat al-Hakim)

13. Kesimpulan

Dari penjelasan di atas dapatlah disimpulkan beberapa perkara yang berkaitan dengan peranan *wak'alah* dalam ibadah korban seperti berikut:

- i. Ibadah korban harus dilakukan dengan cara berwakil kepada orang lain untuk mengendalikannya dengan menjaga cara melaksanakan niat berkorban.
- ii. Orang yang hendak berwakil mengendalikan korbannya hendaklah menentukan wakilnya.

- iii. Berwakil dalam mengendalikan urusan korban itu boleh dilakukan dengan cara berlafaz atau bertulis dan juga menggunakan isyarat yang boleh difahami jika dia bisu.
- iv. Wakil boleh melantik orang lain sebagai wakilnya untuk menggantikan dirinya dalam melaksanakan perkara yang diwakilkan apabila wakil tersebut tidak mampu melakukannya tanpa perlu meminta izin terlebih dahulu daripada orang yang berwakil.
- v. Pengurus-pengurus korban adalah wakil kepada orang yang berkorban. Mereka hendaklah mengetahui hukum-hukum yang berkaitan dengan *wakālah* agar mereka tidak melakukan kesilapan yang boleh merosakkan ibadat korban yang diwakilkan.

والله أعلم بالصواب

Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin
Ketua Pegawai Istinbat
Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam.

12 Zulkaedah 1426H
14 Disember 2005M.

Bibliografi

Al-Quran al-Karim

Al-Anshari, asy-Syeikh Zakaria, *Hasyiah asy-Syeikh Sulaimân al-Jamal*, jil 3, Dar al-fikr, Beirut, t.t

Al-Bukhârî, Abi ‘Abdillah Muḥammad bin Ismâ‘îl bin Ibrâhîm bin Bardîrbah.. *Shahîh al-Bukhârî*. Jil 2 & 3, Dâr al-Fikr, Beirut, 1420H/200M.

Ad-Dârquthni, ‘Alî bin ‘Umar, *Sunan ad-Dârquthni*, Jil 1, Dâr al-Fikr, Beirut, 1414H/1994M.

Ad-Dimyâthî al-Bakrî, ‘Allâmah Abî Bakr ‘Uthmân bin Muḥammad Syaththâ, *Hâsyiah I‘ânah ath-Thâlibîn*, (Dhabth wa Shahâhahu: Muḥammad Sâlim Hâsyim), jil 2&3, Dâr al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, 1422H/2002M.

al-Haitamî, Ibn al-Hajr Syihâb ad-Din Abi al-‘Abbas Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Ali. *Tuhfah al-Muhtaj Bisyarh al-Minhâj* (Tashhih: ‘Abdullah Mahmûd Muḥammad ‘Umar). jil 4, Dâr al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, 1421H/2001M.

Al-Hâkim an-Nisâbûrî, al-Hâfiz Abi ‘Abdillah Muḥammad bin ‘Abdillah, *al-Mustadrak ‘ala ash-Shahîhain*, (Taḥqîq: Mushthafâ ‘Abd al-Qâdir ‘Athâ) jil 4, Dâr al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut. t.t.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, *Tafsir Pimpinan ar-Rahmân Kepada Pengertian al-Qurân*, Dâr al-Fikr, Kuala Lumpur, (versi jawi) cetakan ke enam belas, 2000M

Al-Jardânî, Muhammad Abdullah, *Fath al-‘Allâm bi Syarh al-Anâm*, Juz 4, Dâr as-Salâm, Kaherah, Mesir, 1410H/1990M.

Al-Khatîb asy-Syarbînî, Syams ad-Dîn Muḥammad, *Mughni al-Muhtâj ilâ M‘arifah Ma‘ânî alfâdz al-Minhâj*, (Taḥqîq: Asy-Syeikh ‘Ali Muḥammad Mu‘wwidh & Asy-Syeikh ‘Âdil Aḥmad ‘Abd al-Maujûd), Jil 3 & 6, Dâr al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut 1415H/1994M

Al-Khin, Mushthafâ Dr. & al-Bughâ, Mushthafâ Dr. & asy-Syarbajî, ‘alâ, *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Madzhab al-Imâm asy-Syâfi‘î*, Jil 3, Dâr al-Qalam, Damsyiq, 1421H/2000M.

al-Muthî‘î, Muḥammad Najîb, *Al-Majmû‘ Syarh al-Muhadzdzab li asy-Syirâzi*. jil 14, Maktabah al-Irsyâd, Jeddah, t.t.

An-Nawawî, Abi Zakariyya Yahya bin Syarf, *Shahîh Muslim*, jil 6, Maktabah Nazâr Mushthafâ al-Bâz, Makkah al-Mukarramah, 1416H/1996M.

_____ , *Raudhah ath-Thâlibîn wa'Umdah al-Muftîn*. Jil 2 & 4, Dâr al-Fikr, Beirut.. 1415H/1995M.

_____ , *Al-Majmû' Syarh al-Muhadzdzab li asy-Syîrâzî*. (Tahqiq: Muḥammad Najîb al-Muthî'î), jil 8, Maktabah al-Irsyâd, Jeddah, t.t.

Pt Ichtiar Baru Van Hoeve, *Ensiklopedi Hukum Islam*. jil 6, Jakarta, Indonesia. 1997M.

Al-Qalyûbî, Syihâb ad-Dîn Aḥmad bin Aḥmad bin Salâmah & 'Umairah, Syihâb ad-Dîn Aḥmad al-Barallasi, *Hasyiata al-Qalyûbî wa 'Umairah 'alâ Kanz ar-Râghibîn*. (Tashih: 'Abd al-Lathîf 'Abd ar-Rahmân) jil 4. Dâr al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut 1417H/1997M.

Ar-Ramlî, Syams ad-Dîn Muḥammad bin Abî al-'Abbâs Aḥmad bin Ḥamzah Ibn Syihâb ad-Dîn, *Nihâyah al-Muhtâj ilâ Syarh al-Minhâj*, Jil 5, Maktabah Mushthafa al-Bâbî al-Halabî, Mesir, 1386H/1967M.

As-Sajastânî, Abû Dâwud Sulaimân bin al-Asy'ats, *Sunan Abî Dawud*, (Tahqiq: Shadqi Muḥammad Jamîl) jil 2, Beirut. Dâr al-Fikr, Beirut, 1420H/1999M.

Asy-Syarwânî, Abdul Hamid & al-'Abadi, Ahmad bin Qâsim, *Hawasyai 'ala tuhfah al-Muhtâj bi Syarh al-Minhâj*, jil 4, Dâr al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1421H/2001M.

Asy-Syîrâzî, Abu Ishâq, *al-Muhadzdzab fî Fiqh al-Imâm asy-Syâfi'ii*. (Tahqiq: ad-Doktor Muḥammad az-Zuhailî), Jil 3, Dâr al-Qalam & Dâr asy-Syâmiyyah, Beirut, Damsyiq, 1417M/1996M.

Az-Zuhailî, Wahbah Dr., *al-Fiqh al-Islâmî wa adillatuh*. jil 5, Dâr al-Fikr, Damsyiq, 1418H/1997M.